



Banci Malaysia di Perlis 96 peratus selesai [METROTV]

Kangar: Proses Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) di Perlis sudah mencapai tahap 96.67 peratus dengan keseluruhan kawasan di negeri itu sudah dilawati.

Pengarah Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) Negeri Perlis, A Pathmavathi berkata, pelaksanaan Banci Malaysia 2020 di negeri itu kini memasuki fasa terakhir.

"Memasuki fasa terakhir ini, kita sudah pun 96.67 peratus melengkapkan bancian kita yang merangkumi seluruh kawasan di negeri ini dan kita sedang mengemaskini data yang diperoleh selain memfokuskan penambahan data daripada golongan gelandangan yang terdapat di setiap daerah di negeri ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melaksanakan Program Menyantuni Gelandangan bagi tujuan Banci Malaysia 2020 di sini, hari ini.

Katanya, untuk tujuan Banci Malaysia 2020 ini, pihaknya banyak menggunakan mekanisme lawatan bersemuka sambil menjaga prosedur operasi standard (SOP) dalam mengekang penularan wabak Covid-19.

"Selain itu juga, soalan menggunakan aplikasi dalam talian atau E-Survei juga turut digunakan sekitar 10 peratus untuk tujuan ini dan selebihnya ada menerusi panggilan telefon serta lawatan bersemuka.

"Bagi tujuan pengumpulan data daripada golongan gelandangan ini pula, kita akan terus menemuramah orang gelandangan seperti mereka yang tidak berumah untuk ditemubual dan sekiranya didapati mereka itu tidak waras, kita tidak akan berbuat demikian dan data yang diperoleh juga turut merangkumi warganegara Malaysia dan bukan warganegara," katanya.

Sementara itu, dalam program empat jam itu, DOSM Perlis dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Perlis serta Jabatan Penerangan Negeri Perlis menjelajah ke setiap daerah bagi menyantuni golongan gelandangan di kawasan berkenaan.

Lebih lima golongan gelandangan ditemui berkeliaran dan tidur di sekitar kawasan berkenaan seperti Terminal Bas Bukit Lagi, dan belakang rumah kedai di Kangar.

Pendekatan menyantuni golongan gelandangan adalah penting bagi kerajaan meneliti data DOSM dalam mewujudkan dasar bagi membantu golongan berkenaan di masa hadapan.

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/10/769367/banci-malaysia-di-perlis-96-peratus-selesai-metrotv>